

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13  
PADA HARI KHAMIS, 7 SEPTEMBER 2017**

**YB CIK WONG SHU QI (SENAI)  
SOALAN B51**

Sila nyatakan jumlah jam pemberhentian operasi serta faktor pencemaran yang menyebabkan gangguan operasi setiap loji rawatan air bagi tahun 2014, 2015, 2016 dan 2017 serta langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN YB DATUK IR. HASNI BIN MOHAMAD**

Gangguan bekalan air di negeri ini banyak kaitannya dengan isu kualiti mahupun kuantiti bekalan air mentah. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan air mentah di muka sauk loji rawatan air tercemar sekali gus menyebabkan loji henti operasi. Antaranya ialah apabila air mentah mengandungi ammonia yang melebihi 1.5 ppm, masalah kekeruhan yang melebihi 1000 ntu, air masin dalam air mentah dan juga kandungan *fluoride* dalam air mentah. Ke semua parameter ini dikesan berpunca daripada aktiviti-aktiviti di tebing-tebing sungai ataupun di hulu-hulu sungai sama ada aktiviti perlombongan, pertanian, penternakan, kilang sawit mahupun terdapat tapak pelupusan sampah berdekatan, kilang-kilang dan hospital.

Selain itu, faktor cuaca panas dan kering berpanjangan juga boleh menyebabkan kehadiran *iron* yang tinggi dalam air sekali gus menyebabkan air berwarna dan kekeruhan. Sejak tahun 2014 sehingga Ogos tahun ini, loji-loji yang pernah terbabit dengan pelbagai insiden ketidakpatuhan air mentah telah henti operasi selama 6,226.47 jam iaitu bersamaan 259.44 hari.

Selain penyelesaian secara operasional di loji yang dilakukan oleh pihak operator pembekalan air iaitu SAJ Ranhill, pemantauan terhadap kualiti dan kuantiti air mentah ini sememangnya adalah aktiviti berterusan oleh agensi berkaitan. Kita tidak boleh elak daripada berlakunya pelanggaran kualiti air yang disebabkan oleh kecuaiian manusia, namun peningkatan dalam konteks penguatkuasaan perlu juga dilaksanakan bagi memberi kesedaran.